

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 APRIL 2017

# Kit Siang, Mahathir tidak layak digelar patriot

Um - 8/4/2017

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ KUALA LUMPUR 6 APRIL

**P**ENASIHAT DAP, Lim Kit Siang dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak layak digelar patriot berikutan tindakan berterusan mereka melemparkan pelbagai tuduhan palsu sehingga boleh menjejaskan ekonomi negara demi menjayakan agenda politik masing-masing.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim berkata, tindakan Kit Siang mengangkat diri sendiri sebagai patriot adalah memalukan.

“Anda tidak boleh mengangkat diri sendiri sebagai patriot, itu bukan caranya. Orang lain yang sepatutnya mengangkat anda sebagai patriot selepas bersetuju secara sebulat suara berdasarkan jasa anda kepada negara.

“Anda dan Dr. Mahathir tidak membantu negara sebaliknya



**TUNKU ABDUL AZIZ TUNKU IBRAHIM**  
Bekas Naib Pengerusi DAP

telah menyerang imej negara sendiri dengan pembowongan bertali arus. Anda juga berusaha keras untuk mensabotaj ekonomi kita dengan ‘mengusir’ pelabur asing daripada melabur di negara kita apabila termakan dengan pembowongan dan anda berpuas hati dengan perkara itu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kit Siang kelmarin mengakui

Anda tidak boleh mengangkat diri sendiri sebagai patriot, itu bukan caranya. Orang lain yang sepatutnya mengangkat anda sebagai patriot selepas bersetuju secara sebulat suara berdasarkan jasa anda kepada negara.”

beliau sebagai seorang patriot kononnya untuk menyelamatkan Malaysia daripada situasi politik yang tidak betul.

Tambah Abdul Aziz, kenyataan Kit Siang mengangkat diri sendiri sebagai seorang patriot adalah seperti orang kurang siuman.

Katanya, Kit Siang dikenali sebagai individu yang sukar berkompromi dan kejam selama 51 tahun di dalam dan di luar poli-

tik dan kini beliau terdesak mahu menukar gambaran itu sebagai patriot.

“Apabila gaya kepimpinannya itu semakin jelas dan terbukti dengan peletakan jawatan ahli-ahli DAP di Melaka, beliau menyalahkan pihak atasan yang didakwa cuba menyerang gaya pemerintahannya bagi memusnahkan reputasi beliau,” katanya.

Menurut Abdul Aziz, Kit Siang dan Dr. Mahathir adalah anasir yang berbahaya kepada keamanan, keselamatan dan kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

“Mereka telah melakukan perkara yang jahat. Bagi seorang ahli politik yang sentiasa melemparkan tuduhan palsu kepada lawannya, ini adalah satu lagi contoh khayalan mereka apabila menganggap mereka sedang menyelamatkan Malaysia dan layak digelar patriot.

“Mereka melakukan pelbagai jenis kejahatan dan rasa diri mereka patriot, ini adalah sesuatu yang sangat sinis dan tidak bermoral,” katanya.